

Dr Mahathir jadi

Ⓟ MAHATHIR - PROFILE

Oleh Zabidin Ismail

ODE adalah istilah puisi yang menggambarkan sanjungan, pujian atau pemujaan penyair terhadap seseorang tokoh atau sesuatu objek yang tentunya disukai, dihormati dan dikagumi.

Bertolak dari pengertian itulah banyak penyair mengangkat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sumber inspirasi karya puisi masing-masing.

Dilahirkan pada 20 Disember 1925, di No 18, Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar, beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Seberang Perak dan kemudian di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar hingga tamat pelajaran menengah peringkat Senior Cambridge.

Beliau meneruskan pelajarannya di King Edward VII, College of Medicine, University Malaya, Singapura, 1948 dan berjaya memperolehi ijazah doktor perubatan (MBBS) lima tahun kemudian. Beliau pernah berkhidmat di Hospital Besar Alor Star, di Pulau Langkawi dan Perlis. Pada tahun 1957, membuka klinik sendiri iaitu Klinik MAHA, mulanya di Jalan Tunku Ibrahim, kemudian berpindah ke Pekan Melayu, Alor Setar.

Dalam pertubuhan siasah, Dr Mahathir pernah dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden Umno pada tahun 1975. Tiga tahun kemudian dipilih sebulat suara dalam Persidangan Agung Umno sebagai Timbalan Presiden.

Pada bulan Jun, 1981 dipilih sebagai Presiden Umno, menggantikan Tun Hussein Onn yang uzur dan seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai tahun yang sama.

Sejak menjadi Perdana Menteri Dr Mahathir banyak membawa perubahan kepada negara. Bermula kepada perubahan jam (cepat 30 minit daripada biasa) dilancarkan sewaktu mula memegang tampuk negara, dasar *Pandang ke Timur* hinggalah tercetusnya kertas kerjanya berjudul *Malaysia: Menghala ke Hadapan* (lebih dikenali dengan *Wawasan 2020*).

Di samping itu, beliau juga terkenal di dunia antarabangsa sebagai Wira Dunia Ketiga sekaligus sebagai jurucakap negara-negara membangun. Beliau lantang menyuarakan soal-soal kemanusiaan sejagat,

Jelaslah, sebagai tukang rakam, Puzi merakam segala apa yang dilihat, didengar dan dibacanya mengenai Perdana Menteri.

Rakaman itu melebar pula sampai ke soal perwatakan dan visinya

apartied, pencabulan maruah Islam di Bosnia-Herzegovina, isu Selatan-selatan, serta mempelopori penubuhan EAEC.

Kerana beliau tertonjol sebagai salah seorang pemimpin terbaik dunia, kepopularannya melebar di kalangan negara jiran atau seberang Selat Melaka, khususnya di Indonesia.

Hakikat ini dinyatakan kepada penulis oleh Pengarah Penerangan (Kepala Kantor) Wilayah Propensi Daerah istimewa Aceh, Drs Haji Abu Samah Amin ketika berbual dengan beliau dalam kunjungan ke Aceh tahun lalu.

Abu Samah yang lahir di Selekoh, Perak dan kini warganegara Indonesia berkata, Dr Mahathir amat dikagumi di wilayah Kepulauan Riau khususnya Bakinang — kampung halaman Abu Samah.

Penyair Puzi Hadi menerusi sajaknya *Puisi Seorang Mahathir (Berita Minggu, 24 Mac 1991)* sepanjang 84 baris, memperkatakan mengenai diri Perdana Menteri. Antara lain Puzi membariskan kejayaan negara menerusi Mahathir seperti berikut:

*Seorang Mahathir dari Malaysia
orangnya garang bekerja
sambil berhati sabil-*

*semoga dipelihara Allah.
Dia bermimpikan realiti serba
canggih;
memindahkan Tokyo ke Kuala
Lumpur
Lebu Raya Seoul ke Bukit Kayu
Hitam-Taiping
dari feri bertukar jambatan Pulau
Pinang
tukarkan semua kereta ke jenama
Proton Saga
Malaysia kini didiami 70 juta
dengan
pertukaran empat iklimnya
sepanjang tahun;
malah...Seribu satu (realiti)
Mahathir
serba canggih tidak tersenaraikan*

Jelaslah, sebagai tukang rakam, Puzi merakam segala yang dilihat, didengar dan dibacanya mengenai Mahathir. Rakaman Puzi melebar pula ke soal perwatakan tokoh berkenaan. Katanya:

*Seorang Mahathir prihatian nasib
bangsa dan agamanya
Seorang Mahathir peka kepada
sejarah
untuk iktibar.
Seorang Mahathir dengan mata
kedokteran
membedah dilema dan kemelut
bangsanya.*

bahan pemuisi

BM 03 JUL 1994

Seorang Mahathir seorang Perdana Menteri seorang suami seorang ayah dan seorang insan kerdil di sisi Allah

Terlepas dari perwatakan Dr Mahathir, Puzi merakamkan pula kejayaan Perdana Menteri di luar negara:

Seorang Mahathir dari Dunia Ketiga menyambung lidah Melayu-Nusantara dengan pemikiran lateralnya demi kesejahteraan negara miskin penanggung hutang 'Selatan-Selatan'. Venezuela memahkotakannya pengijazahan Wira Dunia Ketiga. Sedang seorang Mahathir terus berdepan angin ekor duyung di rumahnya bila kita sering menafikan kewujudan seorang Mahathir.

Jika Puzi begitu berterus terang mengkagumi kejayaan Dr Mahathir, tetapi bagi Awang Abdullah pula menggunakan ungkapan dan diksi menarik menterjemahkan pencapaian Perdana Menteri. Menerusi *Setiap Kali Mentari Ogos Menerjal Kulit Bumi*, Awang de-

ngan nada lembut berkata:

Setiap kali sungai peradaban tersadung susuh bukit cakar hikmahnya bagai naga mengulum api jauhari; dialah Mahathir seorang Perdana Menteri yang telah menabur bunga ambar harum kasturi ke savjana lemah dan perbukitan jauh.

Begitulah pujian seseorang kerana kejayaan yang dimiliki, namun kita tidak pernah terfikir Dr Mahathir merentangi ranjau dan liku-liku derita sebelum menciumi gegunung pencapaian. Lantaran itu, penyair Gunawan Mahmood menerusi puisinya, *Warga Berjiwa Besar* petikan antologi *Di Atas Mimbar Merdeka* terbitan DBP merakamkan kegetiran yang ditempuhi Mahathir. Kata Gunawan:

Kau telah dihadih derita sedang kami masih tak mengerti termanggu-manggu dalam bingung sendiri kau berdepan dengan batu ujian seribu hakisan mencabar namun selagi kewarasan masih bertakhta bukti akan bangun sebagai panglima

menikam segala petualang yang menghunus dendam-dendam tajam.

Benarlah kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Dan, Dr Mahathir menimba daripada falsafah pepatah itu. Dia berjaya mengharungi liku-liku serta ranjau kehidupan sebelum sampai ke hujung kejayaan. Sesungguhnya, seseorang yang berjiwa besar sahaja yang bisa menghadapi segala cabaran dan dugaan. Justeru, Gunawan mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri:

Syabas untukmu warga berjiwa besar kerana kau tak pernah hilang pertimbangan walau cacik maki berpanahan seharian

Namun, Gunawan khuatir dia dianggap pengampu lantaran itu dia menyambung lagi. Katanya:

Ini bukan pendewaan! Warga berjiwa besar kerana pendewaan tak akan memberi apa kecuali gendang kosong yang akhirnya pergi bersama angin menyongsong.

Benar, mengapa harus takut kepada dakwaan sedangkan realiti berada di depan mata. Menyedari hakikat kebenaran inilah penyair Noor SM menyimpulkan puisinya berjudul *Percakapan Puisi Untuk Mahathir* (lihat antologi *Percakapan Puisi Untuk Mahathir* terbitan Tra-tra Trading, hlm 54) sebagai berikut:

Hari ini sedikit demi sedikit kita mula melihat bayangan mimpi dan nanti segera pula menyaksikan kebenarannya, apa lagi jika berani mengarahkan muka, melangkah ke tempat yang ditunjuknya bersama mencari barang terbaik, mutiara idaman yang bisa dipungut di bumi sana.

Demikianlah empat penyair tanah air memperkatakan perihal Dr Mahathir seorang pemimpin yang berani menghadapi pelbagai cabaran, sekaligus berusaha menggapai 'bintang' untuk Malaysia gemilang.